

**Jenis Akhbar** : Sinar Harian  
**Tarikh** : 17/12/2023  
**Edisi / Muka Surat** : Nasional (30)  
**Tajuk** : Usaha Tingkat Perolehan Koperasi Sekolah

## Usaha tingkat perolehan koperasi sekolah

**SHAH ALAM** - Koperasi sekolah di negara ini disarankan untuk menyusun semula struktur kadar modal saham untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi, sekali gus meningkatkan perolehan setiap tahun.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, koperasi sekolah wajar menggunakan kesempatan tidak perlu membayar cukai dan membuat bayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi untuk menaikkan modal saham.

"Nak berjaya itu mudah, tetapi nak menguruskan kejayaan itu yang mencabar. Tapi saya yakin, dengan kebolehan, pengalaman dan kerjasama antara guru dengan murid, koperasi ini mampu untuk mengekalkan kejayaan malah mampu untuk meningkatkan lagi jumlah perolehan pada tahun akan datang," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pengiktirafan RM1

Juta Koperasi Sekolah Tahun 2023 Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 19 Shah Alam Berhad di SMK Seksyen 19 di sini.

Hadir sama, Pengerusi Angkasa Negeri Selangor, Datuk Mohd Alias Hamzah; Pengetua SMK Seksyen 19 yang juga Pengerusi Koperasi SMK 19 Shah Alam Berhad, Rohana Jaafar dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah, Hashim Anang.

Koperasi SMK Seksyen 19 Shah Alam Berhad berjaya mencatatkan perolehan melebihi RM1 juta hasil pelbagai aktiviti antaranya perniagaan kedai buku yang menjual alat tulis, baju sukan, aneka roti dan makanan sejuk beku.

Koperasi sekolah itu turut menjual barangan keperluan asas melalui Projek Barangan Asas 100 (BA100) yang disertai pada 2022 serta menawarkan bayaran ansuran untuk pembelian perkakas elektrik dan rumah kepada tenaga pengajar.



**Abdul Fattah (empat dari kiri) merasmikan Majlis Pengiktirafan RM1 Juta Koperasi Sekolah Tahun 2023 Koperasi SMK Seksyen 19 Shah Alam Berhad.**